

# DIAZIDE TABLET

Gliclazide Tablet 80 mg

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Diazide Tablet
2. Bagaimana Diazide Tablet Berfungsi
3. Sebelum mengambil Diazide Tablet
4. Cara menggunakan Diazide Tablet
5. Semasa menggunakan Diazide Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan Diazide Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Diazide Tablet

Diazide digunakan dalam Diabetes Jenis II (Kencing manis jenis tidak bergantung kepada insulin) dimana pengurusan pemakanan dan senaman sahaja tidak mencukupi.

## Bagaimana Diazide Tablet Berfungsi

Gliclazide tergolong dalam kumpulan agen hipoglisemik yang dipanggil *Sulfonylurea*. Gliclazide merangsang rembesan insulin oleh sel-sel beta pankreas.

## Sebelum mengambil Diazide Tablet

### Bila tidak boleh mengambil

Jangan menggunakan Diazide Tablet dalam keadaan berikut:

- Jika anda menghidap diabetes yang bergantung kepada Insulin (Diazide Tablet sahaja tidak boleh digunakan)
- Jika anda menghidap komplikasi diabetis seperti:  
Ketosis- keadaan yang terhasil daripada lebihan penghasilan keton dalam badan.
- Asidosis- kegagalan mekanisme yang mengawal keasidan darah, cecair badan, atau tisu-tisu badan,yang biasanya disebabkan oleh diabetis yang tidak dirawat
- Jika digunakan untuk *neonates* dan kanak-kanak;
- Semasa kehamilan;

- Jika anda menghidap diabetes dan akan menjalani pembedahan
- Selepas trauma yang teruk
- Jika anda sensitif terhadap ubat-ubat lain dalam kumpulan sulfonylurea
- Jika anda mempunyai masalah buah pinggang atau masalah hati

### Sebelum mula mengambil

Sila beritahu doktor jika anda mempunyai masalah hati dan/atau buah pinggang kerana dos yang lebih rendah perlu digunakan dan pemantauan yang lebih kerap akan dilakukan

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil atau sudah mengambil ubat yang boleh diperoleh tanpa nasihat pakar.

Sila dapatkan nasihat doktor jika mengambil ubat-ubatan berikut:

*aspirin, azapropazone, indobufen, phenylbutazone, clofibrate dan halofenate, sulphonamides, ketoconazole miconazole, coumarin anticoagulants ,heparin,captopril, cimetidine, doxepin, enalapril, fenfluramine, methyldopa, nortriptyline, ranitidine, dan sulphapyrazone*

## Cara menggunakan Diazide Tablet

### Berapa banyak harus diambil

Jumlah dos harian mungkin berbeza-beza(40-320mg) untuk pengambilan secara oral.

Dos perlu disesuaikan mengikut respon anda secara individu, bermula dengan 40-80mg setiap hari dan akan meningkat sehingga kawalan sepenuhnya dicapai.

Satu dos tunggal tidak boleh melebihi 160 mg dan apabila dos yang lebih tinggi diperlukan,

pengambilan dos dua kali sehari dinasihatkan dan diambil mengikut hidangan utama pada hari tersebut.

Dalam kebanyakan kes, 160 mg/ hari dengan makanan,80 mg pada sarapan pagi,80 mg pada makan malam.

Untuk pesakit tua,dos harus bermula 40 mg pada waktu pagi dan 40 mg pada waktu malam.

Sila ikut nasihat doktor atau ahli farmasi dengan teliti.Nasihat mereka mungkin berbeza dengan maklumat dalam risalah maklumat ubat.Jika anda tidak memahami arahan pada label,sila dapatkan bantuan doktor atau ahli farmasi.

### Bila perlu diambil

Sekali atau dua kali sehari,pagi atau petang dengan makanan.Ini hanya cadangan,untuk dos sebenar sila sentiasa merujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

### Berapa lama perlu diambil

Ikut nasihat doktor

### Jika anda terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal dengan segera. Jika hampir dengan dos seterusnya,tinggalkan dos yang tertinggal dan teruskan dengan dos berikutnya.Jangan ambil lebih daripada dos yang dibenarkan.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Masalah utama yang dijangkakan ialah hipoglisemia:lemah,berpeluh, berasa tersangat lapar,pening,menggeletar .

Dapatkan bantuan perubatan secepat mungkin jika masalah di atas diperhatikan

## Semasa menggunakan Diazide Tablet

### Perkara yang perlu dilakukan

Elakkan daripada mengambil minuman beralkohol dan pendedahan kepada cahaya matahari.

# DIAZIDE TABLET

Gliclazide Tablet 80 mg

## **Perkara yang tidak boleh dilakukan**

Jangan berhenti mengambil tanpa nasihat daripada doktor.

Jangan beri ubat kepada orang lain yang mempunyai simptom yang sama

## **Perkara yang perlu diberi perhatian**

### ***Hipoglisemia***

Seperi sulfonylureas yang lain ,hipoglisemia boleh berlaku jika pengambilan makanan dikurangkan.

Hipoglisemia juga boleh berlaku apabila anda mengambil dos Diazide yang berlebihan.

### ***Cross-sensitivity***

Pesakit yang sensitif kepada salah satu jenis sulfonylureas juga akan mungkin sensitif kepada jenis yang lain juga;

### ***Warga tua***

Sesetengah pesakit warga tua mungkin lebih sensitif kepada ubat ini

### ***Ibu-ibu yang menyusu***

Tidak diketahui jika gliclazide akan meresap ke dalam susu ibu.

## **Kesan-Kesan Sampingan**

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Gangguan gastrousus seperti loya, muntah-muntah,pedih ulu hati, tiada selera makan, cirit-birit, dan rasa logam boleh berlaku dengan sulfonylurea dan biasanya ringan dan bergantung kepada dos; peningkatan selera makan dan berat badan mungkin berlaku.

Ruam kulit dan kegatalan boleh berlaku dan fotosensitiviti telah dilaporkan.

Ruam biasanya merupakan reaksi hipersensitiviti dan boleh menjadi masalah yang lebih serius

Hipoglisemia berlaku dengan semua ejen hipoglisemia.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers →Reporting*).

## **Cara Penyimpanan dan Pelupusan**

### ***Diazide Tablet***

#### ***Penyimpanan***

Simpan pil di bawah suhu 25°C dalam bekas KANAK-KANAK

### ***Pelupusan***

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat Lanjut**

### ***Rupa dan Warna Produk***

Tablet bewarna putih, berbentuk kapsul, serong rata,dengan garis putus pada satu muka

## **Bahan-bahan Kandungan**

Bahan aktif: Setiap tablet mengandungi: Gliclazide 80mg

Bahan tidak aktif ialah

*Microcrystalline Cellulose, Colloidal silicon dioxide, Lactose, Corn Starch, Magnesium Stearate*

## **MAL No.: MAL20012734A**

## **Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk**

SM PHARMACEUTICALS

SDN.BHD(218628-M)

Lot 88,Sungai Petani Industrial Estate

08000,Sungai Petani

Kedah Darul Aman,Malaysia

**Tarikh Kemaskini RiMUP: 06.08.2014**